

DATE: 07/09/2007

# Keadaan Dr Mahathir makin stabil

BH-7/9/2007  
**K**UALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semakin pulih dan beliau tidak lagi perlu memakai alat bantuan pernafasan serta sudah memulakan diet cecair, pagi semalam selepas melalui pemantauan rapi selama 48 jam di Unit Rawatan Rapi (ICU), Institut Jantung Negara (IJN).

Menurut kenyataan IJN, sejak jam 2.10 petang kelmarin, Dr Mahathir yang menjalani pembedahan pintasan koronari pada Selasa lalu, sudah mampu bernafas dengan sendiri tanpa alat sokongan pernafasan, sedar sepenuhnya, peka serta boleh berbual dengan anggota keluarga.

IJN juga berpuas hati dengan perkembangan kesihatan Dr Mahathir yang memberangsangkan dan beliau kini menjalani fisioterapi intensif bagi mengoptimumkan fungsi pernafasannya.

Dr Mahathir juga sudah mampu melakukan senaman ringan pada bahagian kaki dan tangan tetapi akan terus ditempatkan di ICU untuk pengawasan berterusan.

Anaknya, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata kesihatan bapanya semakin bertambah baik dan beliau kelihatan cergas dan ceria walaupun sedikit keliru serta bertanyakan sama ada sudah menjalani pembedahan ketika mula sedar.

Mukhriz berkata, Ketua Pembedahan Kardiotorasik IJN, Tan Sri Dr Yahya Awang turut memaklumkan berita menarik, iaitu biarpun umur Dr Mahathir sudah mencecah 82 tahun, fisiologi beliau masih sama seperti individu dalam lingkungan 60-an.

Sementara itu *Bernama* melaporkan anggota keluarga Dr Mahathir akan mengadakan majlis bacaan Yasin, doa selamat serta solat hajat sebagai tanda kesyukuran beliau berjaya melalui pembedahan.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh anak bekas Perdana Menteri itu semalam, mereka menjemput orang ramai untuk bersama-sama hadir ke majlis itu hari ini di Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta di sini bermula dari solat Maghrib (7.30 malam) hingga solat Isyak (8.20 malam).